

Kes Buniyamin diserahkan kepada Peguam Negara

ALOR GAJAH 24 Ogos — Polis akan mendapatkan pandangan Peguam Negara bagi menentukan tindakan selanjutnya terhadap bekas Ahli Parlimen Bachok, Buniyamin Yaakob yang disiasat berhubung kenyataannya yang dikatakan berunsur fitnah terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai berkata, kes itu boleh dianggap selesai walaupun satu atau dua orang lagi akan dirakam percakapan mereka.

“Setakat ini kita telah rakamkan 20 saksi walaupun kes itu kelihatan mudah sahaja.

“Kita ada satu dua lagi saksi yang hendak dirakamkan percakapan,” ujarnya.

Beliau menyatakan demikian kepada para pemberita selepas merasmikan Ibu Pejabat Polis Daerah Alor Gajah yang baru di sini hari ini.

Norian mengulas perkembangan siasatan terhadap bekas Ahli Parlimen Pas itu yang dikatakan mendakwa Perdana Menteri menonton video lucu bersama cucunya.